



INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA.

i. JAWATAN

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
1	Kerani	N19	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Pembantu Tadbir/Operasi	RM1,352.00	RM4,003.00

ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terdiri daripada Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c)
 - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred N19: RM1,464.80) atau

DAN

- d) Kepujian dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu sekurang-kurangnya Gred C, dan lulus empat (4) mata pelajaran lain termasuk lulus Ujian Lisan dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

iii. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat perkeranian dan operasi (termasuk tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/ komunikasi).

iv. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
 - i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran
 - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/ PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SPM/ SPMV/ MCE/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
 - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
 - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan
- c. Pemohon hendaklah menyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang berjaya disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

vi. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my> atau boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS).

Tarikh tutup permohonan pada: **09 SEPTEMBER 2022**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**KETUA
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR**

No.Tel: 03 5544 8332/ 8336
Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)
Bil. Iklan:13/2022
Tarikh: 26/8/2022